# DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
# (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

**Bil. Iklan: DBKU/6/2021**

1 a) **Jawatan**: Penolong Pegawai Seni Bina JA29
b) **Jabatan**: Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan**: Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
d) **Klasifikasi Perkhidmatan**: Perkhidmatan Kejuruteraan

**2. Jadual Gaji Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29:-**

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum |
|---|---|
| RM 1,549.00 | RM 5,701.00 |

3. **Antara Skop Tugas Utama**

a) Menyedia spesifikasi kerja untuk sebutharga/tender. Bagi kerja-kerja pembangunan untuk projek dalaman dan projek luaran (Pejabat Residen dan Daerah Kuching)

b) Menyedia spesifikasi kerja untuk kerja-kerja "Service Order"

c) Memantau kemajuan bagi kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan

d) Menyediakan laporan kemajuan bulanan bagi kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan.

e) Memproses kerja-kerja tambahan (variation order), lanjutan masa (extention of time) dan pembayaran (payment) bagi kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

b) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00] atau

c) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM 1,935.02]

d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**Taraf Jawatan : Kontrak**

**Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**

**Tingkat 3, Bangunan DBKU**

**Bukit Siol, Jalan Semariang**

**Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

a) Laporan Sulit

b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir

c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 11 Ogos 2021 (Rabu)**

**Catatan Am:**

(i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.

(ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.

(iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.